

SULIT



LEMBAGA PEPERIKSAAN  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2016

1103/1

BAHASA MELAYU

Kertas 1

Jun

2 $\frac{1}{4}$  jam

Dua jam lima belas minit

---

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi dua bahagian: Bahagian A dan Bahagian B.*
2. *Jawab soalan Bahagian A dan satu soalan daripada Bahagian B.*
3. *Jawapan anda hendaklah ditulis di dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya ruang jawapan tidak cukup, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*
4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

---

Kertas peperiksaan ini mengandungi 3 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak.

[Lihat halaman sebelah



**Bahagian A**

[30 markah]

[Masa dicadangkan : 45 minit]

Gambar di bawah menunjukkan sebahagian daripada kepentingan memelihara hutan. Huraikan pendapat anda tentang **kepentingan memelihara hutan**. Panjangnya huraian anda hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.

**KEPENTINGAN MEMELIHARA HUTAN**

**Mengekalkan  
Habitat  
Flora dan Fauna**

**Mengawal  
Peningkatan  
Suhu Bumi**



**Menjadi  
Kawasan  
Tadahan Hujan**

**Bahagian B**

[100 markah]

[Masa dicadangkan : 1 jam 30 minit]

Pilih **satu** daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya **lebih daripada 350 patah perkataan**.

- 1 Pelbagai aktiviti yang dijalankan di sekolah bertujuan untuk melahirkan murid yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek. Sehubungan dengan itu, setiap murid hendaklah melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti-aktiviti yang disertai oleh mereka.

Ulas pernyataan di atas.

- 2 'Kesihatan Sepanjang Hayat' bermaksud kita perlu menjaga kesihatan diri supaya kita hidup sihat sepanjang masa.

Jelaskan langkah-langkah yang perlu kita lakukan untuk mencapai matlamat sihat sepanjang masa.

- 3 Anda menyertai pertandingan pidato. Tajuk pidato anda ialah 'Bahasa Kebangsaan Pemangkin Perpaduan Rakyat'.

Tulis teks pidato itu selengkapnya.

- 4 Kemajuan infrastruktur seperti pelabuhan, jaringan lebuhraya dan sistem komunikasi memainkan peranan penting dalam meningkatkan eksport negara kita.

Bincangkan pernyataan di atas.

5

Di sana padi di sini padi, Padi huma dari seberang; Di sana budi di sini budi, Barulah nama disebut orang.
---

Terdapat banyak pantun seperti pantun di atas yang memberikan pelbagai pengajaran kepada kita.

Huraikan pengajaran-pengajaran yang dapat diperolehi daripada pantun-pantun sedemikian.

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**



LEMBAGA PEPERIKSAAN  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

**SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2016**

**1103/2**

**BAHASA MELAYU**

**Kertas 2**

**Jun**

**2½ jam**

**Dua jam tiga puluh minit**

---

**JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi empat soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawapan bagi Soalan 2(b), Soalan 2(c), Soalan 2(d) dan Soalan 4 berdasarkan teks Komponen Sastera Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.*
4. *Jawapan anda hendaklah ditulis di dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya ruang jawapan tidak cukup, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*
5. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

---

Kertas peperiksaan ini mengandungi 10 halaman bercetak dan 2 halaman tidak bercetak.

[Lihat halaman sebelah



**Soalan 1 : Rumusan**

[30 markah]

**Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang kesan-kesan penggunaan telefon pintar dalam kalangan murid dan peranan ibu bapa dalam mengawal penggunaan telefon pintar anak-anak. Panjangnya rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.**

Telefon pintar wujud hasil perkembangan industri telekomunikasi yang bergerak pantas. Di Malaysia, bilangan murid yang menggunakan telefon pintar semakin meningkat, iaitu kira-kira 20 peratus daripada keseluruhan pengguna. Ramai murid berhasrat untuk memiliki telefon pintar kerana mereka terpengaruh dengan perubahan yang berlaku di sekeliling mereka. Mereka juga turut dipengaruhi oleh rakan sebaya terutamanya yang telah memiliki telefon pintar. Keinginan untuk memiliki telefon pintar boleh menyebabkan berlakunya kes salah laku seperti kecurian dan pergaduhan.

Kewujudan telefon pintar yang lengkap dengan kemudahan multimedia pelbagai guna menyebabkan murid sangat teruja untuk memiliki alat komunikasi mudah alih yang canggih ini. Setelah memiliki peralatan tersebut, mereka menjadi mudah leka dengan peranti masing-masing dan seterusnya membawa perubahan ketara terhadap tingkah laku mereka. Murid yang menggunakan telefon pintar lebih mementingkan hiburan berbanding aspek-aspek lain, contohnya dalam *pencarian maklumat* dan ilmu pengetahuan. Hal yang demikian boleh membawa kesan negatif terhadap kehidupan seseorang murid. Penggunaan telefon pintar ini juga menyebabkan murid sering berkomunikasi dengan mencemarkan bahasa seperti penggunaan singkatan dan bahasa slanga dalam khidmat pesanan ringkas (SMS), *WhatsApp* dan *Instagram*.

Telefon pintar turut berperanan sebagai penghubung keluarga, rakan dan sumber maklumat. Namun jika disalahgunakan, telefon pintar tersebut mampu mendatangkan pelbagai keburukan. Keasyikan menggunakan telefon pintar menyebabkan murid mengabaikan tanggungjawab terhadap pelajaran seperti tidak menyiapkan kerja sekolah dan tidak mengulang kaji pelajaran. Selain itu, keasyikan bermain telefon pintar sehingga larut malam menyebabkan murid hilang fokus semasa di dalam kelas kerana mengantuk akibat tidak cukup tidur. Lebih buruk lagi, terdapat murid yang bermain telefon ketika di dalam kelas hingga mengganggu sesi pembelajaran. Melalui telefon pintar juga, terdapat pihak-pihak tertentu yang menyebarkan maklumat yang belum tentu kesahihannya secara sewenang-wenang. Oleh sebab pemikiran yang kurang matang, murid mudah menerima dan mempercayai maklumat tersebut tanpa mengetahui kesahihannya.

Perkara yang lebih membimbangkan kita ialah filem-filem atau video tanpa tapisan dapat ditonton secara bebas oleh murid melalui telefon pintar. Hal ini menyebabkan berlakunya keruntuhan akhlak yang serius dalam kalangan murid. Perkara-perkara seperti ini perlu diambil berat oleh semua pihak dalam usaha untuk membendungnya. Oleh itu, larangan pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) terhadap murid yang membawa telefon bimbit atau telefon pintar ke sekolah ada asasnya dan peraturan ini mesti difahami dan dipatuhi untuk manfaat semua pihak.

Dipetik dan diubah suai daripada  
'Larangan Telefon Pintar untuk Pelajar Sekolah'  
oleh Sa'adiah Shuib,  
*Dewan Masyarakat*, April 2015

**Soalan 2 : Pemahaman**

[35 markah]

**Soalan 2(a) – Petikan Umum**

Berdasarkan petikan **Soalan 1**, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

(i) Berikan maksud rangkai kata *pencarian maklumat*. [2 markah]

(ii) Pengarang mengemukakan beberapa punca murid ingin memiliki telefon pintar.  
Nyatakan punca-punca tersebut. [3 markah]

(iii) Penggunaan telefon pintar secara betul dan berhemah banyak membawa kebaikan.  
Pada pendapat anda, apakah tindakan-tindakan yang boleh diambil untuk mendidik masyarakat menggunakan telefon pintar dengan berhemah? [4 markah]

**Soalan 2(b) – Petikan Drama**

Baca petikan drama di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

RIPIN: Wak masuk hutan minggu lepas? (*Melihat longgokan akar kayu di hujung beranda*)

TUK WALI: Nak dapat banyak tu, sehari suntuk aku di hutan. Bawa bekal nasi lagi!

RIPIN: Dah berpuluh tahun diredah, wak! Tak ada siapa pulak yang menanam semula.

TUK WALI: Kalau ikut petua, ikut pantang larang sampai anak cucu pun *insya-Allah* ada lagi. Bila aku cakap fasal pantang larang, semua orang ketawa. Bila aku bukakan rahsia petua ke hutan, ada orang kata aku ni nak jadi Tarzan. Orang sekarang ni tak berasa malu lagi bila merosakkan ... dah hilang rasa hormat mereka pada alam!

RIPIN: Petua yang mana, wak?

TUK WALI: Pokok yang tengah berbunga atau berbuah, jangan ditebang. Pokok yang lebih kecil daripada jari hantu, jangan disentuh. Kalau hati belum pasti, jangan cantas. Kalau belum mengenal, berkenal dulu.

RIPIN: Mereka mencantas, menebang tu pun kerana nak mengenallah, wak!

TUK WALI: Belajarlah mengenal pada ibu, bukan cabut anak. (*Kesal*) Yang langgar pantang, anak cucu aku jugak. Cakap aku ni tak dihargai langsung. (*Marah*) Si Berahim anak tiri aku tu! Dia murid Si Guan, Guan kedai singse tu! Tunjuk mana pasak bumi, tongkat ali, dikenalkannya rancang besi, rancang tembaga, yang mana raja berangkat, apa khasiat lukai jantan, apa gunanya tengkuk biawak!

RIPIN: *Masya-Allah!* Semuanya diajar, wak?

Dipetik daripada drama 'Gelanggal Tuk Wali'  
oleh Ismail Kassan  
dalam antologi *Harga Remaja*,  
Dewan Bahasa dan Pustaka

- (i) Apakah petua-petua yang diberi oleh Tuk Wali semasa masuk ke dalam hutan? [2 markah]
- (ii) Tuk Wali kesal dengan sikap anak cucunya yang melanggar pantang larang semasa masuk ke dalam hutan.  
Pada pendapat anda, mengapakah generasi muda pada masa ini tidak mempedulikan pantang larang tersebut? [3 markah]
- (iii) Jelaskan **satu** pengajaran yang terdapat dalam petikan di atas dan **satu** pengajaran lain daripada drama tersebut yang tidak terdapat dalam petikan. [4 markah]

**Soalan 2(c) – Petikan Prosa Tradisional**

Baca petikan prosa tradisional di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Setelah didengar oleh Tuan Puteri Mandu Ratna Dewi bunyi bayan itu maka tuan puteri pun memandang ke atas pohon kemunting itu. Maka dilihat oleh tuan puteri seekor burung bayan *terlalu indah rupanya*. Maka kata tuan puteri kepada inangda, “Tangkaplah bayan itu.” Maka inangda pun segeralah naik hendak menangkap bayan itu. Maka bayan itu pun terbanglah ke atas puncak kemunting itu. Maka sembah inangda kepada tuan puteri, “Tiada dapatlah patik menangkap bayan ini.” Setelah didengar oleh tuan puteri sembah inangda itu, maka titah tuan puteri kepada seorang dayang-dayang, “Pergilah diri tangkapkan kami bayan itu.” Maka dayang-dayang itu pun segeralah terbangkit naik dari kolam itu dengan kainnya basah. Maka dijolok oleh dayang-dayang itu hendak menangkap bayan itu. Maka bayan itu pun terbanglah pula kepada suatu dahan kepada suatu dahan seraya tertawa. Maka sembah dayang itu, “Ya tuanku tuan puteri, tiada tertangkap bayan itu terlalu liarnya burung ini.” Maka disuruh seorang lagi tiada juga tertangkap bayan itu.

Dipetik daripada  
'Hikayat Langlang Buana'  
dalam antologi *Dirgahayu Bahasaku*,  
Dewan Bahasa dan Pustaka

- (i) Berikan maksud *terlalu indah rupanya*. [2 markah]
- (ii) Apakah tindakan seorang dayang-dayang apabila diperintah oleh tuan puteri untuk menangkap bayan itu? [3 markah]
- (iii) Sekiranya anda seorang dayang-dayang, apakah kaedah-kaedah yang akan anda gunakan untuk menangkap bayan itu? [3 markah]



**Soalan 2(d) – Sajak**

Baca sajak di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

**Pasar Perasaan**

ini pasar perasaan  
pada gerainya duduk penjual sentimental  
yang sering dikunjungi pembeli emosional.

ini pasar perasaan  
mereka memperdagangkan kata-kata  
yang terbit daripada kalbu  
bukan terbit daripada akal.

mereka memperdagangkan hujah  
yang rapuh dan lapuk  
bagai kayu buruk;  
yang mudah dipatahkan  
bagai ranting kering.

ini pasar perasaan  
di dalamnya mengalir sungai manusia  
yang menghilirkan suara kosong.

ini pasar perasaan  
yang memperdagangkan akal cetek  
dan tawar-menawar yang dangkal.

kumasuki pasar ini  
kususuri sungai sibuk ini  
di tengah-tengah penjual dan pembeli  
yang kaya dengan perasaan  
tetapi miskin dengan kebijaksanaan.

ini pasar tidak berakal  
yang diriuhan kekosongan.

**T. ALIAS TAIB**

Antologi *Dirgahayu Bahasaku*  
Dewan Bahasa dan Pustaka

- (i) Nyatakan ciri-ciri pengunjung pasar perasaan dalam sajak tersebut. [2 markah]
- (ii) Pada **rangkap 6**, penyair berpendapat bahawa ramai pengunjung pasar perasaan apabila berbicara mereka lebih dipengaruhi emosi berbanding dengan menggunakan fakta dan ilmu.

Pada pendapat anda, apakah kebaikan-kebaikan yang akan diperoleh sekiranya seseorang itu mampu mengawal emosinya ketika berbicara? [3 markah]

- (iii) Huraikan **dua** nilai murni yang terdapat dalam sajak tersebut. [4 markah]

**Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa**

[30 markah]

*Jawab semua soalan.*

(a) **Tulis satu ayat bagi setiap perkataan di bawah untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda boleh menambahkan imbuhan tetapi tidak boleh menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.**

- (i) alang-alang
- (ii) bisik-bisik
- (iii) dengar-dengar
- (iv) geleng-geleng
- (v) panas-panas
- (vi) senyap-senyap

[6 markah]

(b) **Tukar cakap ajuk di bawah kepada cakap pindah tanpa mengubah maksud asalnya.**

- (i) “Bagaimana rancangan kamu yang ingin melancong ke luar negara bersama-sama keluarga kamu pada cuti persekolahan bulan Mac nanti?” tanya Salleh kepada Osman.
- (ii) “Semua pengetua dan guru besar mesti memastikan sekolah masing-masing bersiap sedia untuk memulakan sesi persekolahan pada awal tahun depan,” kata Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia.
- (iii) “Syabas, kamu telah memperoleh semua A dalam semua mata pelajaran yang kamu ambil!” ucap Ahmad kepada murid cemerlang sekolah itu.

[6 markah]

(c) **Dalam petikan di bawah, terdapat tiga kesalahan ejaan dan tiga kesalahan dari segi imbuhan. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada tiga kesalahan ejaan dan tiga kesalahan dari segi imbuhan. Anda tidak perlu menyalin petikan itu semula.**

Kecekapan pihak polis dalam membentaras kegiatan jenayah di Malaysia seharusnya terpuji. Kesungguhan pasokan polis ini dapat dilihat apabila kadar jenayah berjaya berkurang pada setiap tahun. Sebagai pihak yang bertanggungjawab dalam menguatkuasakan undang-undang di negara ini, pelbagai cabaran perlu dihadapi oleh mereka demi kesejahteraan menyeluruh rakyat Malaysia.

[6 markah]

(d) Dalam setiap ayat di bawah, terdapat **satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Novel yang baru dibaca sebentar tadi telah mempamerkan tema tentang masalah sosial yang sering remaja lakukan terutamanya di bandar-bandar.
- (ii) Dalam perhimpunan sekolah, pengetua telah menyapa perlakuan murid-muridnya yang agak kurang sopan bila bercakap dengan orang yang lebih tua.
- (iii) Kertas-kertas nampak berserabut di tepi pantai kerana kebanyakan pengunjung gemar duduk beralaskan dengan kertas surat khabar dan kemudian membiarkannya.

[6 markah]

(e) Baca ayat-ayat di bawah dengan teliti, kemudian lengkapkan ayat-ayat itu dengan **peribahasa** yang sesuai.

- (i) Mangsa-mangsa banjir yang telah kehilangan tempat tinggal itu berasa amat bersyukur dan berterima kasih kepada pihak kerajaan yang mengumumkan pembinaan rumah baharu untuk mereka. Pengumuman itu disambut gembira dan bersesuaian dengan pepatah \_\_\_\_\_.
- (ii) Ketua kampung sering menasihati penduduk kampung supaya tidak mementingkan diri sendiri dalam kehidupan bermasyarakat di kampung itu. Mereka janganlah menjadi seperti \_\_\_\_\_.
- (iii) Ibu sering kali berpesan kepada anak-anaknya supaya sentiasa berusaha dan jangan mudah berputus asa dalam mengejar cita-cita kerana kata pepatah \_\_\_\_\_.

[6 markah]

[Lihat halaman sebelah

**Soalan 4 : Novel**

[15 markah]

Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- (i) Papa ... (akhirnya kau tewas jua!) karya Deana Yusuf
- (ii) Melunas Rindu karya Hartini Hamzah
- (iii) Azfa Hanani karya Halis Azhan Mohd Hanafiah
- (iv) Renyah karya Gunawan Mahmood
- (v) Konserto Terakhir karya Abdullah Hussain
- (vi) Kembara Amira karya Amer Hamzah L. Kadir
- (vii) Kabus di Perbukitan karya Mohamad Kholid Hamzah
- (viii) Sutera dalam Lukisan karya Abd. Talib Hassan

(a) Dalam setiap novel terdapat peristiwa yang menyentuh perasaan pembaca.

Berdasarkan **dua** peristiwa dalam **sebuah** novel yang telah anda pelajari, jelaskan sebab peristiwa-peristiwa itu menyentuh perasaan anda. [7 markah]

(b) Berdasarkan **dua** buah novel yang anda kaji, jelaskan **satu** nilai kemanusiaan yang terdapat dalam watak sampingan bagi setiap novel. [8 markah]

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**